

## **KLASIFIKASI PEMAKNAAN IKHTILAF QIRAAAT YANG TIDAK DAPAT DIBACA SETELAH PERLETAKAN TITIK DAN BARIS DENGAN RIWAYAT HAFS**

**Azah Nur Al Hidayah Zahari<sup>1</sup> & Mohd Faizulamri Mohd Saad<sup>2</sup>**

*Pelajar Sarjana Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia<sup>1</sup>  
Pensyarah Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia<sup>2</sup>  
p104749@siswa.ukm.edu.my<sup>1</sup> & faizam@ukm.edu.my<sup>2</sup>*

### **ABSTRACT**

*The science of Qiraat is intimately related to Quranic exegesis. In fact, scholars place the science of Qiraat as part of the Quranic exegete methodology. Through ikhtilaf Qiraat (Qiraat differences), the Quran can be better understood as each of the Qiraat differences complements each other. In reviewing the methodology of Uthmani orthography and its relationship with the science of Qiraat, when a manuscript is marked with diacritical marks according to the narration of Hafs, the focus is only on that narration, and the remaining readable narrations are missing. Thus, the purpose of this research is to look into the classification of interpretation on the unreadable ikhtilaf Qiraat when the manuscript was written with diacritical marks according to Hafs' narration. This study uses a qualitative methodology based on document analysis and also uses the concept of placing diacritical marks that affect the Qiraat narration by Muhammad Habsy as a reference in obtaining the ikhtilaf Qiraat. According to the findings, there were 16 ikhtilaf Qiraat due to stroke and line, and 19 other ikhtilaf due to dot. The ikhtilaf were further classified into three main parts, which were the parts that brought to alter in meaning, did not alter in meaning, and were not discussed in the exegesis books. Three of the 16 ikhtilaf Qiraat altered in meaning as a result of the stroke or line, seven did not alter in meaning, and six were not discussed by the exegetes. Ten of the other 19 ikhtilaf Qiraat altered in meaning as a result of the dot, six did not, and three were not discussed by the exegetes.*

*Keywords:* *Ikhtilaf Qiraat, Hafs manuscript, Quranic exegesis, diacritical marks, stroke and dot*

### **ABSTRAK**

Ilmu Qiraat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pentafsiran al-Quran. Malah para ulama meletakkan qiraat sebagai cabang dalam metodologi pentafsir al-Quran dengan al-Quran. Melalui ikhtilaf qiraat, al-Quran dapat difahami dengan lebih baik kerana setiap perbezaan qiraat saling melengkapi antara satu sama lain. Dalam meneliti manhaj Rasm Uthmani dan hubungannya dengan qiraat, apabila sesuatu mushaf ditandai atau diberis mengikut riwayat Hafs menyebabkan ia hanya tertumpu kepada riwayat berkaitan sahaja, hilang baki riwayat-riwayat lain yang boleh dibaca. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengkaji klasifikasi pemaknaan terhadap ikhtilaf qiraat yang tidak dapat dibaca apabila mushaf ditandai titik dan baris mengikut riwayat Hafs. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif berdasarkan analisis dokumen. Kajian menggunakan konsep perletakan titik dan baris yang memberi kesan terhadap periwayatan qiraat oleh Muhammad Habsy sebagai rujukan dalam mendapatkan ikhtilaf qiraat tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat 16 ikhtilaf qiraat disebabkan baris dan 19 ikhtilaf disebabkan titik. Ikhtilaf tersebut seterusnya diklasifikasikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian ikhtilaf yang membawa kepada perubahan makna, ikhtilaf yang tidak merubah makna dan ikhtilaf yang tidak dibincangkan dalam kitab tafsir. Daripada 16 ikhtilaf disebabkan baris, terdapat empat ikhtilaf

qiraat yang membawa kepada perubahan makna, enam ikhtilaf qiraat yang tidak membawa kepada perubahan makna dan enam ikhtilaf qiraat yang tidak dibincangkan oleh para mufassir. Daripada 19 ikhtilaf qiraat disebabkan titik, terdapat sepuluh ikhtilaf qiraat yang membawa kepada perubahan makna, enam ikhtilaf qiraat yang tidak membawa kepada perubahan makna dan tiga ikhtilaf qiraat yang tidak dibincangkan oleh para mufassir.

Kata Kunci: Ikhtilaf Qiraat, Mushaf Riwayat Hafs, Pentafsiran al-Quran, Titik, Baris

## **PENGENALAN**

Ikhtilaf qiraat dari sudut baris dan perubahan titik sangat mempengaruhi pentafsiran al-Quran. Keduanya merupakan elemen yang penting dalam bahasa Arab untuk memahami dan menyampaikan makna yang paling tepat. Perbezaan qiraat dari sudut perubahan baris dan titik mempengaruhi pentafsiran ayat dan pemahaman terhadap sesuatu ayat pula banyak bergantung kepada kepelbagaian ikhtilaf qiraat. Ini kerana dengan ikhtilaf qiraat, seseorang itu dapat mengenalpasti maksud yang dikehendaki dalam sesuatu ayat. Ikhtilaf qiraat turut membawa kepada penambahan makna dalam al-Quran kerana ia sangat memainkan peranan dalam pembentukan makna dalam memahami sesbuah ayat. Kewujudan ikhtilaf qiraat yang pelbagai ini ada kalanya membawa kepada makna yang sama dan ada yang memberi makna berbeza (Nabil Muhammad 2002). Melalui ikhtilaf qiraat, sesuatu ayat al-Quran dapat difahami dengan menyeluruh kerana setiap cara bacaan saling melengkapi antara satu sama lain (Al-Suyuti 1987).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan sebagai metode penganalisisan data. Dalam mengolah dan memperolehi data, pendekatan induktif digunakan dalam mengumpul data dan maklumat yang berkaitan ayat yang mengandungi ikhtilaf qiraat yang tidak dibaca selepas mushaf ditandai baris dan titik mengikut riwayat Hafs. Kajian menggunakan konsep perletakan titik dan baris yang memberi kesan terhadap periwayatan qiraat oleh Muhammad Habsy (1999) sebagai rujukan dalam mendapatkan ikhtilaf qiraat. Kajian mendapati terdapat 16 ikhtilaf disebabkan baris dan 19 ikhtilaf disebabkan titik. Seterusnya, ikhtilaf qiraat tersebut dianalisis satu persatu dengan mengeluarkan pendapat dan pandangan para mufassirin. Analisis terhadap ikhtilaf tersebut diklasifikasikan kepada tiga bahagian utama iaitu ikhtilaf yang menyebabkan perubahan makna, ikhtilaf yang tidak membawa kepada perubahan makna dan ikhtilaf yang tidak dibincangkan dalam kitab tafsir.

## **IKHTILAF QIRAAT DALAM MUSHAF**

Masahif Uthmani pada asalnya tidak mempunyai sebarang tanda termasuklah baris dan titik (Al-Tanasi 1420H). Hal ini menjadikan ia sesuai dan boleh dibaca menggunakan lajhah-lajhah Arab (Al-Qattan 2004). Setelah mushaf diletakkan titik dan baris menggunakan riwayat Hafs menyebabkan sebahagian *wajh* qiraat tidak boleh dibaca. Setelah mushaf diletakkan tanda dabt menyebabkan qiraat hanya tertumpu kepada riwayat yang berkaitan sahaja, hilang 19 baki riwayat yang lain (Al-Habsy 1999). Mushaf-Mushaf Uthmaniyah yang ditulis tanpa sebarang titik dan baris membolehkan beberapa kalimah ditulis dengan bentuk yang sama walaupun dibaca dengan qiraat yang berbeza (Al-Qadi 2014, Abd Rahman 2019).

Bagi membolehkan mushaf dibaca dengan pelbagai riwayat qiraat, perkataan yang boleh dibaca dengan dua qiraat akan ditulis dengan satu rasm yang dapat menampung kedua-dua qiraat tersebut (Al-Qattan 1973). Jika semua mushaf ditulis dengan satu qiraat sahaja nescaya hilang bacaan yang menggunakan qiraat yang lain (Al-Jazari t.th, Al-Nashshar 2000). Semua penandaan tersebut tidak boleh dianggap sebagai kesilapan dan percanggahan antara mushaf kerana ia adalah bentuk bacaan qiraat berdasarkan kepada riwayat-riwayat mutawatir daripada ulama, bukan berdasarkan ijtihad mereka (Al-Sijistani 2002, Al-Jazari t.th).

Perbezaan ini berlaku disebabkan pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman, beliau menyedari bahawa untuk menghimpunkan semua qiraat dalam satu mushaf merupakan satu perkara yang tidak mungkin berlaku kecuali sesuatu kalimah itu terpaksa ditulis dua kali atau lebih. Sekiranya satu kalimah ditulis dengan dua kali atau lebih akan menyebabkan percampuran dan perubahan dalam rasm al-Quran (Sya'ban Ismail 1978, Abd Rahman 2019). Kalimah tersebut ditulis dengan satu qiraat yang dapat menampung bacaan qiraat yang lain (Muhaysin 1415H).

Perletakan tanda pada mushaf jelas telah memberi kesan kepada qiraat kerana titik dan baris antara qiraat mutawatirah adalah tidak sama. Justeru, tanda tersebut berbeza bagi setiap mushaf mengikut kepada riwayat masing-masing. Khilaf bacaan yang berlaku antara mushaf adalah disebabkan perbezaan yang wujud antara qiraat atau riwayat mutawatir berpunca daripada *ahruf sab'ah* yang diajar oleh Rasulullah SAW kepada sahabat (Al-Qadi 2014, Al-Sijistani 2002, Muhaysin 1415H).

## DAPATAN KAJIAN

### **Ikhtilaf Qiraat Yang Tidak Dibaca Selepas Perletakan Baris**

Menurut Muhammad Habsy (1999) terdapat 16 tempat ikhtilaf qiraat yang tidak dapat dibaca setelah mushaf ditanda dengan baris mengikut riwayat Hafs, iaitu:

1. Surah al-Baqarah ayat 28, Rasm mushaf membaca dengan (ثُرْجَعُونَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (ثَرْجِعُونَ) merupakan qiraat Ya'qub.
2. Surah al-Baqarah ayat 38, Rasm mushaf membaca dengan (فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (فَلَا خَوْفٍ عَلَيْهِمْ) merupakan qiraat Ya'qub.
3. Surah al-A'raf ayat 146, Rasm mushaf membaca dengan (سَبِيل الرُّشْدِ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (سَبِيل الرَّشِيدِ) merupakan qiraat Hamzah dan Kisaie.
4. Surah al-A'raf ayat 148, Rasm mushaf membaca dengan (خُلَيْلِهِمْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (خَلِيلِهِمْ) merupakan qiraat Ya'qub dan (خُلَيْلِهِمْ) qiraat Hamzah dan Kisaie.
5. Surah al-Ali Imran ayat 27, Rasm mushaf membaca dengan (الْمَيْتَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (الْمَيْتِ) merupakan qiraat Ibn Kathir, Abu Amr, Ibn Amir dan Shu'bah.
6. Surah al-Nisa' ayat 58, Rasm mushaf membaca dengan (يَأْمُرُكُمْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يَأْمُرُكُمْ) merupakan qiraat Abu Amr, Khalf Duri dan (يَأْمُرُكُمْ) qiraat Warsy, Susi, Abu Ja'far.
7. Surah al-Maidah ayat 32, Rasm mushaf membaca dengan (رُشْتُنَا) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (رُشْلُنَا) merupakan qiraat Abu Amr.

8. Surah al-An'am ayat 74, Rasm mushaf membaca dengan (إِذْرُّ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (إِذْرُّ) merupakan qiraat Ya'qub.
9. Surah al-A'raf ayat 138, Rasm mushaf membaca dengan (يَعْكُفُونَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يَعْكُفُونَ) merupakan qiraat Hamzah, Kisaie dan Kholaf.
10. Surah al-Taubah ayat 57, Rasm mushaf membaca dengan (مُدْخَلًاً) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (مُدْخَلًاً) merupakan qiraat Ya'qub.
11. Surah al-Hud ayat 114, Rasm mushaf membaca dengan (لَمَّا) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (لَمَّا) merupakan qiraat Abu Ja'far.
12. Surah al-Kahfi ayat 22, Rasm mushaf membaca dengan (رَبِّيْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (رَبِّيْ) merupakan qiraat Nafi', Ibn Kathir, Abu Amr dan Abu Ja'far.
13. Surah al-Nur ayat 55, Rasm mushaf membaca dengan (اسْتَخَفَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (اسْتَخَفَ) merupakan qiraat Shu'bah.
14. Surah al-Rum ayat 24, Rasm mushaf membaca dengan (يُنْزَلُ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يُنْزَلُ) merupakan qiraat Ibn Kathir, Abu Amr dan Ya'qub.
15. Surah al-Fatir ayat 1, Rasm mushaf membaca dengan (يُنْفَصُّ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يُنْفَصُّ) merupakan qiraat Ya'qub.
16. Surah al-Hadid ayat 8, Rasm mushaf membaca dengan (أَخَدَ مِنْافِكُمْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (أَخَدَ مِنْافِكُمْ) merupakan qiraat Abu Amr.

### **Ikhtilaf Qiraat Yang Tidak Dibaca Selepas Perletakan Titik**

Menurut Muhammad Habsy (1999) terdapat 19 tempat ikhtilaf qiraat yang tidak dapat dibaca setelah mushaf ditanda dengan titik mengikut riwayat Hafs, iaitu:

1. Surah al-Baqarah ayat 48, Rasm mushaf membaca dengan (وَلَا يَقْبَلُ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (وَلَا تَقْبَلُ) merupakan qiraat Ibn Kathir, Abu Amr, Ya'qub.
2. Surah al-Baqarah ayat 58, Rasm mushaf membaca dengan (نَفَرُ لَكُمْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يَنْفَرُ لَكُمْ) merupakan qiraat Nafi' dan Abu Ja'far.
3. Surah Ali Imran ayat 12, Rasm mushaf membaca dengan (سَتَعْلِيُونَ وَتَحْشِرُونَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (سَيْغَلِبُونَ وَيَحْشِرُونَ) merupakan qiraat Hamzah, Kisaie, Kholaf
4. Surah Ali Imran ayat 18, Rasm mushaf membaca dengan (سَنَكْتَبُ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (سِنَكْتَبُ) merupakan qiraat Hamzah
5. Surah al-Nisaa' ayat 114, Rasm mushaf membaca dengan (نَؤْتِيهِ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يَؤْتِيهِ) merupakan qiraat Abu Amr, Hamzah, Kholaf dan Susi
6. Surah al-Maidah ayat, Rasm mushaf membaca dengan (يَغْوِنَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (تَبْغُونَ) merupakan qiraat Ibnu Amir

7. Surah al-An'am ayat 22, Rasm mushaf membaca dengan (خَشْرُهُمْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يَخْشِرُهُمْ) merupakan qiraat Ya'qub
8. Surah al-A'raf ayat 40, Rasm mushaf membaca dengan (نَفْتَحْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يَفْتَحْ) merupakan qiraat Hamzah, Kisae, Kholaf
9. Surah al-Yusoff ayat 63, Rasm mushaf membaca dengan (نَكْلٌ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يَنْكُلُ) merupakan qiraat Hamzah, Kisae, Kholaf
10. Surah al-Ra'du ayat 17, Rasm mushaf membaca dengan (يُوقَدُونَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (تُوقَدُونَ) merupakan qiraat semua qurra' kecuali Hafs, Hamzah, Kisae, Kholaf
11. Surah al-Nahl ayat 2, Rasm mushaf membaca dengan (يَنْزَلُ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (تَنْزَلُ) merupakan qiraat Rauh
12. Surah al-Isra' ayat 7, Rasm mushaf membaca dengan (لَيْسُوا) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (لَسْوَءُوا) merupakan qiraat Kisae
13. Surah al-Anbiya' ayat 87, Rasm mushaf membaca dengan (نَقْدَرْ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (يَقْدَرْ) merupakan qiraat Ya'kub
14. Surah al-Ahzab ayat 68, Rasm mushaf membaca dengan (كَبِيرٌ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (كَثِيرٌ) merupakan qiraat jumhur kecuali 'Asim
15. Surah al-Fatir ayat 36, Rasm mushaf membaca dengan (خَرْيٰ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (جَرْيٰ) merupakan qiraat Abu Amr.
16. Surah al-Yasin ayat 68, Rasm mushaf membaca dengan (أَفْلَا بَعْقَلُونَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (أَفْلَا تَعْقَلُونَ) merupakan qiraat Nafi', Ibn Zakwan, Abu Ja'far dan Ya'qub
17. Surah al-Hujurat ayat 6, Rasm mushaf membaca dengan (فَتَبَّئُوا) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (فَتَشَبَّهُوا) merupakan qiraat Hamzah, Kisae, Kholaf
18. Surah al-Qamar ayat 26, Rasm mushaf membaca dengan (سَعْلَمُونَ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (سَتَعْلَمُونَ) merupakan qiraat Ibnu Amir dan Hamzah
19. Surah al-Talaq ayat 11, Rasm mushaf membaca dengan (يَدْخُلُهُ) manakala ikhtilaf yang tidak dibaca ialah (نَدْخُلُهُ) merupakan qiraat Nafi', Ibn Amir dan Abu Ja'far

### Klasifikasi Pemaknaan Ikhtilaf Qiraat Yang Tidak Dapat Dibaca Setelah Perletakan Titik Dan Baris Dengan Riwayat Hafs

Setelah perletakan titik dan baris dengan Riwayat Hafs án Ásim, terdapat kalimah-kalimah al-Quran yang mempunyai lebih daripada satu ikhtilaf qiraat yang tidak dapat dibaca melalui mushaf tersebut. Analisis terhadap ikhtilaf ini menghasilkan tiga bahagian utama iaitu ikhtilaf yang menyebabkan perubahan makna, bahagian ikhtilaf yang tidak membawa kepada perubahan makna dan bahagian ikhtilaf yang tidak dibincangkan dalam kitab tafsir.

### **Ikhtilaf Yang Menyebabkan Perubahan Makna**

#### **Ikhtilaf Disebabkan Baris**

Sebagai contohnya adalah pada Surah Ali Imran ayat 27:

ثُوِلِجَ الْيَوْمَ فِي الْنَّهَارِ وَثُوِلِجَ الْأَلْيَوْمُ فِي الْأَلْيَوْمِ وَتَخْرُجُ الْحَيٌّ مِنَ الْمِيتِ وَتَخْرُجُ الْمِيتُ مِنَ الْحَيِّ وَتَزَرَّقُ مِنْ تَشَاءُ بِعَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya: Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup dari yang mati, dan Engkau keluarkan yang mati dari yang hidup. Dan Engkau beri rezeki siapa yang Engkaukehendaki tanpa hisab (batas).

Rasm mushaf membaca dengan (الميٰت). Ikhtilaf yang tidak dibaca ialah Lafaz (اللهيٰت). dengan tasydid bermaksud Allah SWT mengeluarkan sesuatu yang hidup dari sesuatu yang akan mati dan sesuatu yang telah mati. Lafaz tanpa tasydid (الميٰت) pula bermaksud Allah SWT mengeluarkan sesuatu yang hidup dari sesuatu yang telah mati, bukan daripada sesuatu yang belum mati (Al-Tabari 2001).

#### **Ikhtilaf Disebabkan Titik**

Sebagai contohnya adalah pada Surah Yusuf ayat 63:

فَلَمَّا رَجَعُوا إِلَى أَبِيهِمْ قَالُوا يَا أَبَانَا مُنْعِ مِنَ الْكَيْنَ فَأَرْسَلَنَ مَعَنَّا أَخَاهَا نَكْتَلَ وَإِنَّا لَهُ لَخَافِظُونَ

Maksudnya: Maka tatkala mereka telah kembali kepada ayah mereka (Ya'qub) mereka berkata: "Wahai ayah kami, kami tidak akan mendapat sukatan (gandum) lagi, (jika tidak membawa saudara kami), sebab itu biarkanlah saudara kami pergi bersama-sama kami supaya kami mendapat sukatan, dan sesungguhnya kami benar benar akan menjaganya.

Rasm mushaf membaca (نكل) dan ikhtilaf qiraat yang tidak dibaca ialah (يكل). Qiraat yang membaca dengan nun merupakan qiraat pilihan Abu Ubaid, bermaksud agar semua saudara Yusuf as masuk dalam kalangan orang-orang yang mendapat sukatan. Qiraat yang membaca dengan ya' pula bermaksud yang mendapat sukatan hanya Bunyamin sahaja (Al-Qurtubi 2007). Kedua-dua qiraat ini berbeza pada lafaz dan maknanya tidak boleh difahami bersama (Al-Shawkani 2007).

### **Ikhtilaf Yang Tidak Membawa Kepada Perubahan Makna**

#### **Ikhtilaf Disebabkan Baris**

Sebagai contohnya adalah pada Surah al-A'raf ayat 146:

سَاصْرَفْ عَنْ ءَايَتِي الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِعَيْرِ الْحَقِّ وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ ءَايَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الرُّشْدِ لَا يَتَّجِدُونَ سَبِيلًا

Maksudnya: Aku akan memalingkan orang-orang yang menyombongkan dirinya di muka bumi tanpa alasan yang benar dari tanda-tanda kekuasaan-Ku. Mereka jika melihat tiap-tiap ayat (Ku), mereka tidak beriman kepadanya. Dan jika mereka melihat jalan yang membawa kepada petunjuk.

Rasm mushaf membaca (سبيل الرشد) dan ikhtilaf qiraat yang tidak dibaca ialah (سبيل الرشيد).

Kedua-dua lafaz tersebut adalah dua bentuk bahasa yang berbeza namun mengandungi makna yang sama. Penggunaan baris fathah hanya bertujuan agar ayat ini serasi dengan ayat sebelumnya dan selepasnya. Apabila lafaz (الرشد) berada ditengah-tengah ayat, huruf syin diberi tanda sukun (الرشيد). Apabila lafaz itu berada di akhir ayat, huruf tersebut diberi baris fathah (الرشيد). Hakikat

maknanya adalah sama dan tidak berlawanan. Maknanya ialah keuntungan seseorang kerana mendapat sesuatu yang diinginkan (Al-Qurtubi 2007).

### ***Ikhtilaf Disebabkan Titik***

Sebagai contohnya adalah pada Surah al-Baqarah ayat 58:

وَإِذْ قُلْنَا أَدْخُلُوا هُنْدِيَّةً فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ رَعَدًا وَأَدْخُلُوا أَلْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حَطَّةً تَغْفِرُ لَكُمْ خَطِيئَكُمْ

Maksudnya: *Dan (ingatlah), ketika Kami berfirman: Masuklah kamu ke negeri ini (Baitul Maqdis), dan makanlah dari hasil buminya, yang banyak lagi enak dimana yang kamu sukai, dan masukilah pintu gerbangnya sambil bersujud, dan katakanlah: Bebaskanlah kami dari dosa, nescaya Kami ampuni kesalahan-kesalahanmu.*

Rasm mushaf membaca (تغفر لكم) dan ikhtilaf qiraat yang tidak dibaca ialah (يعفر لكم). Lafaz (تغفر) adalah isi berita daripada Allah SWT. Pemilihan qiraat dengan huruf nun kerana lafaz sebelumnya menggunakan huruf nun (وَإِذْ قُلْنَا أَدْخُلُوا) dan lafaz selepasnya juga menggunakan huruf nun (سَيَزِدُ). Alasan orang yang membaca dengan huruf ya' (يعفر لكم) adalah kerana fa'ilnya yang muannats itu terhalang dari fi'ilnya (Al-Qurtubi 2007, Al-Shawkani 1996). Kedua-dua qiraat tersebut hanya berbeza pada bentuk tasrif dan tidak membawa kepada perubahan makna.

### ***Ikhtilaf Yang Tidak Dibincangkan***

#### ***Ikhtilaf Disebabkan Baris***

Sebagai contohnya adalah pada Surah Al-Baqarah ayat 28:

كَيْفَ تَكْفِرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتٍ فَأَحْيَنَاكُمْ ثُمَّ مُبَتَّكُمْ ثُمَّ يُحْيِيَكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: *Mengapa kamu kafir kepada Allah, padahal kamu tadinya mati, lalu Allah menghidupkan kamu, kemudian kamu dimatikan dan dihidupkan-Nya kembali, kemudian kepada-Nya-lah kamu dikembalikan?*

Rasm mushaf adalah (ترجعون) dan ikhtilaf qiraat yang tidak dibaca adalah (ترجعون). Lafaz (ترجعون) adalah mabni lil-maf'ul daripada kalimah (رجع) fil muta'addi. Lafaz (ترجعون) adalah mabni lil-fa'il daripada kalimah (رجع) iaitu fil lazim (Abdul Latif 1:2000). Pemaknaan ikhtilaf qiraat ini tidak dibincangkan dalam kitab tafsir.

### ***Ikhtilaf Disebabkan Titik***

Sebagai contohnya adalah pada Surah Fatir ayat 36:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ نَارٌ حَمَنٌ لَا يُفْضِي عَنِيهِمْ فَيَمُوتُوْنَ وَلَا يُعْنَقُ عَنْهُمْ مِنْ عَدَاهَا كَذِيلَكَ نَجْرِي كُلُّ كَوْرُ ○

Maksudnya: *Dan orang-orang kafir bagi mereka neraka Jahannam. Mereka tidak dibinasakan sehingga mereka mati dan tidak (pula) diringankan dari mereka azabnya. Demikianlah Kami membalas setiap orang yang sangat kafir”.*

Rasm mushaf dan ikhtilaf qiraat yang tidak dibaca ialah (نجري). Qiraat Ibn Kathir, Nafi', Ibn Amir, Asim, Hamzah, Kisaie, Abu Ja'far dan Ya'qub membaca dengan nun dalam bentuk mabni lil-fail (مبني للفاعل) iaitu merujuk kepada Allah SWT. Qiraat Abu Amr dan Kholaif membaca dengan ya' dalam bentuk fil mabni lil maf'ul ( فعل مبني للمفعول) (Abdul Latif 7:2000). Pemaknaan ikhtilaf qiraat ini tidak dibincangkan dalam kitab tafsir.

## KESIMPULAN

Hasil daripada 16 ikhtilaf disebabkan baris, terdapat empat ikhtilaf qiraat yang membawa kepada perubahan makna, enam ikhtilaf qiraat yang tidak membawa kepada perubahan makna dan enam ikhtilaf qiraat yang tidak dibincangkan oleh para mufassir. Daripada 19 ikhtilaf qiraat disebabkan titik, terdapat sepuluh ikhtilaf qiraat yang membawa kepada perubahan makna, enam ikhtilaf qiraat yang tidak membawa kepada perubahan makna dan tiga ikhtilaf qiraat yang tidak dibincangkan oleh para mufassir. Kesemua ikhtilaf tersebut merupakan qiraat mutawatir yang thabit dan masyhur di sisi imam qurra'. Justeru, pemaknaan terhadap ikhtilaf qiraat tersebut juga perlu dititik beratkan dan diamalkan walaupun tidak dibaca.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karem.
- Abd Latif al-Khatib, 2000. Jilid 1. *Mu'jam al-Qira'at*. Dar al-Sa'di: Taba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauzi'.
- Abd Latif al-Khatib, 2000. Jilid 7. *Mu'jam al-Qira'at*. Dar al-Sa'di: Taba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauzi'.
- Abd Rahman Abd Ghani. 2019. *Manhaj Rasm Uthmani Evolusi Penulisan Al-Quran: Fakta Dan Sejarah*. Cet 1. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Tanasi (1420H), *Al-Tiraz fi Sharh Dabt al-Kharraz*, ed. Ahmad Sharshal, Saudi Arabia: Mujamma' Al-Malik Fahd, h. 39. Dalam Mukadimah Tahqiq.
- Abu Bakr 'Abd Allah bin Abu Dawud Sulayman al-Sijistani, 2002. Jilid 1. *Kitab al-Masahif*, Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Habsy, Muhammad (Dr) 1999. *Al-Qira'at Al-Mutawatirah Wa Atharuha Fi al-Rasm al-Qur'ani Wa al-Ahkam al-Syar'iyyah*. Beirut: Dar Al-Fikr & Damsyik: Dar al-Fikr al-Ma'sir.
- Al-Qadi, Abdul Fattah Al-Qadi, 2014. *Tarikh Al-Mushaf al-Sharif*. Jumhuriyyah Misr Al-Arabiyyah Al-Azhar Al-Sharif, Kuliyyah al-Azhariyyah.
- Al-Qattan, Manna' al Khalil. 1973. *Mabahith Fi al-Ulum al-Quran*. Mansyurat al-A'sr Al Hadith.
- Al-Qattan, Manna', 2004. *Mabahith Fi Ulum al-Qur'an*. Cet 13. Kairo: Maktabah Wahbah
- Al-Qurtubi, Syaikh Imam al-Qurtubi. (2007). (*Tafsir al-Qurtubi*). (trj. Fathurrahman, Ahmad Hotib, Nasirul Haq). Jakarta, Indonesia: Pustaka Azzam.
- Al-Shawkani, Muhammad bin ali bin Muhammad, 1996. *Tafsir Fathul Qadir: Al-Jaami' Baina Fanni ar-Riwaayah wa ad-Diraayah min 'Ilm at-Tafsir*. Maktabah al-Asriyyah, Beirut.
- Al-Shawkani, Muhammad bin ali bin Muhammad, 2007. *Tafsir Fathul Qadir: Al-Jaami' Baina Fanni ar-Riwaayah wa ad-Diraayah min 'Ilm at-Tafsir*. Dar al-Marefah, Beirut Lebanon.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. *Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran*. Al-Maktabah al-'Asriyyah Shida Beirut. 1987.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Jarir al-Tabari. 2001. *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan al-Takwil Ayu al-Quran*. Kaherah
- Jazari, Muhammad bin Muhammad, *Al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Muhammad Ismail, Sya'ban (Dr), 1978. *Ma' al-Qur'an al-Karim Fi Tarikhah, Khasais, Ahkamih, Asrarih, Qiraatih, Adab Tilawatih, Nasikhi Wal Mansukhah*. Kaherah: Dar al-Ittihad Al Arabi Li Tibaah.
- Muhaysin, Muhammad Salim, 1415H. *Irsyad al-Talibin Ila Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Dar al-Sya'b.

- Nabil Bin Muhammad Ibrahim Al Ismail, 2002. *Ilmu Al-Qiraat*. Cet 2. Dar al-Malik Abd. Aziz: Mamlakah al-Saudiyyah
- Nasysyar, Abu Hafs Siraj al-Din ‘Umar bin Zayn al-Qasim al-Ansari al-Nashshar. 2000. *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira’at al-‘Asyr al-Mutawatirah*. ‘Ali Muhammad Mu‘awwad (tahqiq). Beirut: ‘Alam al-Kutub.